



TEKS UCAPAN PERASMIAN

YBHG. DATIN SAFIDA ZALMA BINTI MOHD PIAH
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
(PERANCANGAN DAN PEMBUDAYAAN SAINS)
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

SEMPENA

PROGRAM ADVOKASI NUKLEAR:
NUKLEAR UNTUK RAKYAT (N.U.R)@WANITA

22 OGOS 2026 (SABTU) | 9.00 PAGI

REKASCAPE, CYBERJAYA

Terima kasih saudara pengacara majlis.

Bismillahirrahmanirahim

(Salutasi yang dikemaskini akan diletakkan di rostrum)

Yang Berusaha Dr. Muhammad Rawi bin Mohamed Zin

Ketua Pengarah

Agensi Nuklear Malaysia

Yang Berusaha Puan Hajah Noraishah binti Pungut

Ketua Pengarah

Jabatan Tenaga Atom

Ketua-ketua Jabatan dan Agensi

Rakan-rakan Kerjasama Strategik, Wakil-wakil Persatuan Wanita dan Komuniti

Rakan-rakan Media, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

PEMBUKAAN

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat bersama-sama pada hari ini dalam **Program Nuklear Untuk Rakyat : N.U.R@Wanita** di Rekascape, Cyberjaya.
2. Saya amat berbesar hati dapat bersama-sama dengan para wanita, keluarga dan komuniti dalam sebuah program yang pada saya cukup istimewa kerana kita bukan sahaja berkumpul untuk beraktiviti dan bersantai, tetapi pada masa yang sama kita membuka ruang untuk mengenali sains dan teknologi dengan cara yang lebih dekat dengan kehidupan seharian.
3. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah bersama-sama menjayakan inisiatif Advokasi Nuklear ini. Penghargaan khusus saya tujukan kepada Bahagian Pembudayaan dan Perkhidmatan STI (PSTI), MOSTI selaku peneraju serta Agensi Nuklear Malaysia, Jabatan Tenaga Atom dan Pusat Sains Negara sebagai rakan pelaksana. Tidak dilupakan, terima kasih juga kepada Bioeconomy Corporation (BEC) selaku rakan strategik atas sokongan dan kerjasama yang diberikan dalam memperkukuh usaha membawa kefahaman tentang teknologi nuklear lebih dekat kepada masyarakat. Sesungguhnya, program advokasi nuklear seumpama ini akan sukar dilaksanakan tanpa kerjasama dan kesungguhan semua pihak.

MEMBAWA NUKLEAR LEBIH DEKAT KEPADA RAKYAT

Hadirin yang saya hormati,

4. Apabila kita menyebut perkataan “**nuklear**”, saya percaya setiap daripada kita mungkin mempunyai gambaran atau persepsi yang berbeza. Ada yang melihatnya sebagai sesuatu yang sangat kompleks. Ada yang mungkin mengaitkannya dengan perkara yang menakutkan. Dan, mungkin ada juga yang tertanya-tanya, “Apa kaitan teknologi nuklear dengan kehidupan kita?”.
5. Sebenarnya, banyak! Malah mungkin kita tidak menyedarinya. teknologi nuklear telah dimanfaatkan secara aman dan selamat dalam pelbagai bidang yang dekat dengan kehidupan kita, termasuk perubatan, pertanian, makanan, perindustrian, pembuatan, keselamatan dan pemeliharaan alam sekitar.
6. Justeru, tugas kita bukan sekadar membangunkan teknologi, tetapi memastikan masyarakat mengetahui, memahami dan dapat melihat manfaat teknologi tersebut.

PROGRAM ADVOKASI NUKLEAR

YBhg. Dato’, Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

7. Atas semangat inilah, **Program Advokasi Nuklear** dilaksanakan sebagai satu inisiatif kesedaran awam yang diterajui oleh **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** beserta rakan strategik dan rakan pelaksana. Program ini memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan literasi dan kefahaman

masyarakat terhadap penggunaan teknologi nuklear secara **aman, selamat dan bertanggungjawab** di samping menangani persepsi dan salah faham yang mungkin masih wujud dalam kalangan masyarakat.

9. Apa yang menarik tentang pendekatan advokasi ini ialah kita tidak mahu sains hanya disampaikan dalam bentuk fakta dan angka. Sebaliknya, kita mahu masyarakat melihat, mencuba, bertanya dan mengalami sendiri. Sebab itu pelbagai kaedah pendekatan digunakan termasuk pameran interaktif, aktiviti amali, demonstrasi, jelajah advokasi, sesi libat urus, ceramah dan sesi soal jawab. Melalui pendekatan sebegini, kita mahu membawa sains keluar daripada makmal dan mendekatkannya kepada rakyat.
10. Antaranya, masyarakat diberi peluang mengenali perkara asas berkaitan sinaran dan radioaktiviti serta memahami bahawa sinaran sebenarnya wujud secara semula jadi di sekeliling kita. Dalam masa yang sama, masyarakat diperkenalkan kepada bagaimana teknologi nuklear dimanfaatkan secara terkawal dan selamat untuk memberikan manfaat kepada manusia.
11. Pada saya, inilah semangat sebenar advokasi nuklear bukan meminta masyarakat percaya semata-mata, tetapi memberi ruang kepada masyarakat untuk bertanya dan memahami.

MENGAPA [N.U.R@WANITA](#)?

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Dalam kerangka yang lebih luas inilah kita hadir dengan Program Nuklear Untuk Rakyat: [N.U.R@Wanita](#). Saya melihat pemilihan wanita sebagai kumpulan sasaran utama sebagai satu langkah yang amat bermakna. Wanita memegang peranan luar biasa dalam keluarga dan masyarakat. Seorang ibu, misalnya, bukan sekadar pengurus keluarga, tetapi idola pertama anak-anak. Pengaruh ibu inilah yang mencorakkan pemikiran generasi muda untuk mencintai ilmu, sains, dan teknologi.
13. Apabila seorang ibu bertanya, “*Kenapa?*”, anak akan mula mencari jawapan. Apabila seorang ibu berkata, “*Jom kita cuba,*”, anak akan belajar untuk meneroka. Dan daripada rasa ingin tahu itulah, kadangkala bermulanya minat terhadap STEM. Sebab itu, kita mahu sains tidak dilihat sebagai sesuatu yang hanya berada di dalam buku teks atau di dalam makmal sahaja.
14. Sains ada di sekeliling kita. Teknologi juga ada dalam kehidupan kita. Dan setiap daripada kita mempunyai peranan untuk membina masyarakat yang lebih celik sains dan teknologi khususnya berkaitan nuklear.

PROGRAM YANG MESRA KELUARGA

15. Saya difahamkan bahawa Program **N.U.R@Wanita** pada hari ini mengetengahkan pelbagai aktiviti menarik yang bersifat kekeluargaan. Antaranya termasuklah **Cabaran Inovasi Masakan**

Ubi Kayu Nuklear, aktiviti **STEM Escape Room**, sesi sembang santai bersama pakar pertanian dan kesihatan, pameran produk serta perkhidmatan Agensi Nuklear Malaysia, pameran advokasi, pertandingan mewarna kanak-kanak, dan pelbagai aktiviti lain.

16. Saya amat menghargai pendekatan amali dan berinteraktif ini. Pembudayaan sains, teknologi dan inovasi (STI) sebenarnya tidak terhad di bilik darjah, sebaliknya boleh diserapkan secara santai melalui permainan, perbualan mesra, serta aktiviti harian bersama anak-anak seperti memasak. Pendekatan praktikal sebegini terbukti lebih berkesan dalam meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap sains.
17. Lihat sahaja contoh di depan mata kita hari ini, ubi kayu yang dijadikan bahan utama dalam pertandingan memasak sebenarnya merupakan hasil penyelidikan daripada Agensi Nuklear Malaysia. Siapa sangka, daripada sebiji ubi kayu, kita mampu membicarakan kehebatan sains dan inovasi nuklear! Inilah harapan kami di MOSTI, menjadikan sains sesuatu yang dekat di hati, mudah difahami, dan relevan dengan kehidupan seharian kita.

PERANAN WANITA DALAM STEM

YBhg. Dato', Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

18. Dalam konteks pembangunan negara pula, kita mahu lebih ramai wanita dan anak-anak perempuan melihat STEM sebagai satu ruang yang terbuka luas untuk mereka. Kita mahu mereka tahu bahawa bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik bukan hanya untuk mereka yang dianggap "pandai sains". Malahan ia adalah untuk sesiapa sahaja yang mempunyai rasa

ingin tahu, keberanian untuk mencuba dan kesediaan untuk terus belajar.

19. Kita mahu anak-anak kita atau generasi muda bukan sahaja menjadi pengguna teknologi, tetapi suatu hari nanti menjadi pencipta, penyelidik, jurutera, saintis, inovator dan pemimpin teknologi negara. Dan mungkin, antara anak-anak yang hadir pada hari ini akan ada yang suatu hari nanti menjadi seorang saintis nuklear.

MEMBINA KEFAHAMAN, BUKAN KETAKUTAN

Hadirin yang saya hormati,

20. Dalam dunia yang dipenuhi dengan pelbagai maklumat, termasuk maklumat yang tidak tepat, masyarakat memerlukan keupayaan untuk membezakan antara fakta, persepsi dan salah faham. Teknologi nuklear juga tidak terkecuali. Justeru, program advokasi nuklear bukan sekadar menyampaikan maklumat, tetapi membina kefahaman dan kepercayaan masyarakat terhadap sains, teknologi dan inovasi. Apabila masyarakat diberikan ruang untuk bertanya dan mendapatkan penjelasan daripada sumber yang tepat, mereka akan lebih yakin untuk menilai sesuatu teknologi berdasarkan ilmu, fakta dan bukti, bukannya semata-mata berdasarkan persepsi. Inilah kepercayaan yang ingin kita bina melalui Program Advokasi Nuklear.

SAINS UNTUK SEMUA

21. Pada masa yang sama, usaha seperti ini amat selari dengan hasrat MOSTI untuk terus memperkukuh pembudayaan sains, teknologi dan inovasi secara lebih inklusif dalam kalangan masyarakat, seiring dengan aspirasi yang digariskan melalui **Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021–2030** serta **Dasar Tenaga Nuklear Negara (DTNN) 2021–2030**.
22. Kedua-dua dasar ini memberikan penekanan terhadap pemerkasaan sains, teknologi dan inovasi serta pembangunan dan pemanfaatan teknologi nuklear secara aman, selamat dan bertanggungjawab demi kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara. Justeru, kita mahu sains menjadi sesuatu yang boleh diakses oleh semua, tidak kira umur, latar belakang atau bidang pekerjaan.
23. Daripada pelajar sekolah kepada ibu bapa. Daripada golongan profesional kepada komuniti. Daripada mereka yang sudah mempunyai pengetahuan sains kepada mereka yang baru pertama kali mengenali teknologi nuklear. Semua ini mempunyai tempat dalam ekosistem sains, teknologi dan inovasi negara. Dan **N.U.R@Wanita** pada hari ini merupakan antara contoh bagaimana aspirasi tersebut kita terjemahkan melalui pendekatan yang dekat dengan rakyat. Membawa ilmu, teknologi dan inovasi terus kepada masyarakat.

PENGHARGAAN DAN HARAPAN

24. Saya berharap pendekatan sebegini dapat diteruskan dan diperluaskan ke lebih banyak komuniti di seluruh negara. Kita mahu lebih ramai rakyat berpeluang mengenali sains dan teknologi secara langsung, bertanya soalan tanpa rasa segan dan melihat sendiri bagaimana hasil penyelidikan nuklear memberi manfaat kepada kehidupan mereka. Saya juga berharap program hari ini akan meninggalkan sesuatu yang lebih bermakna daripada sekadar pengalaman sehari.
25. Saya ingin merakamkan penghargaan sekali lagi kepada Agensi Nuklear Malaysia, Bahagian Pembudayaan dan Perkhidmatan STI (PSTI), MOSTI, Jabatan Tenaga Atom, Pusat Sains Negara dan Bioeconomy Corporation (BEC) serta semua yang telah bersama-sama menjayakannya sama ada secara langsung mahupun tidak langsung.

PENUTUP DAN PERASMIAN

Hadirin yang dihormati sekalian,

26. Kemajuan sesebuah negara bukan hanya bergantung kepada sejauh mana kita mampu menghasilkan teknologi yang canggih. Ia juga bergantung kepada sejauh mana rakyat memahami teknologi tersebut, mempercayainya dan bersedia memanfaatkannya untuk kebaikan bersama. Justeru, marilah kita bersama-sama membina sebuah masyarakat yang bukan sahaja celik teknologi, tetapi berani bertanya, terbuka untuk belajar dan yakin terhadap kemampuan sains dan inovasi negara sendiri.

27. Semoga usaha kecil yang kita mulakan hari ini menjadi sebahagian daripada usaha yang lebih besar untuk membudayakan sains, teknologi dan inovasi dalam kehidupan rakyat Malaysia.
28. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Program Advokasi Nuklear: Nuklear Untuk Rakyat [N.U.R@Wanita](#)**.

Sekian, Wabilahi Taufik Walhidayah Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan terima kasih.

=====

#TAMAT#